

Headline	Populasi Harimau Malaya tunjuk perkembangan positif		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	06 Feb 2025	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	7	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	252 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 512
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,535



PAMERAN: Nik Nazmi melawat reruai pameran selepas Majlis Peluncuran Kepengerusian ASEAN peringkat Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama

Populasi Harimau Malaya tunjuk perkembangan positif

KUALALUMPUR: Jumlah populasi Harimau Malaya (*Panthera Tigris Jacksoni*) di negara ini menunjukkan perkembangan yang positif, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.

Namun, beliau berkata jumlah sebenar haiwan berkenaan hanya akan diketahui selepas menerima angka rasmi daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

“Bancian terakhir (yang

dilakukan terhadap Harimau Malaya) menunjukkan kurang daripada 150 ekor. Kita akan menunggu bancian rasmi untuk mendapat angka yang tepat, tetapi berdasarkan angka awal di lapangan yang diterima, terdapat perkembangan positif.

“Ia adalah hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dibantu oleh pertambahan Ranger Komuniti. Namun populasi Harimau Malaya masih kekal berisiko dan memerlukan

perlindungan berterusan,” katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), di sini, semalam.

Pada 12 Nov lepas, Nik Nazmi berkata NRES terus komited untuk melindungi dan memulihara Harimau Malaya bagi memastikan spesies ikonik yang menjadi simbol Jata Negara tidak pupus. — Bernama